

04/11/1998

Bukti melampaui keraguan dikemuka

KUALA LUMPUR, Selasa - Pihak pendakwaan akan membuktikan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menggunakan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk kepentingannya sendiri.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail memaklumkan perkara itu kepada Mahkamah Tinggi ketika memulakan kes terhadap Anwar, yang menghadapi empat tuduhan rasuah, hari ini.

Gani berkata, pendakwa raya akan mengemukakan bukti yang melampaui sebarang keraguan munasabah bahawa Anwar yang juga bekas Menteri Kewangan, telah berbuat demikian (menggunakan kedudukannya untuk kepentingannya sendiri).

Beliau berkata, perkara-perkara yang membawa kepada tuduhan terhadap Anwar berpunca daripada surat bertarikh 5 Ogos 1997 daripada Ummi Hafilda Ali kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perihal salah laku Anwar dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar, dan satu surat bertajuk 'Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim'.

Gani berkata, pihaknya juga akan membuktikan bahawa Anwar telah mengambil pelbagai tindakan untuk menafikan kandungan surat-surat dan pengakuan bersumpah berkenaan dengan cara menggunakan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia.

Katanya, Anwar telah berjumpa Mohd Said dan Amir di kediaman rasminya dan mengarahkan mereka supaya memperolehi surat-surat penafian daripada Ummi Hafilda dan Azizan, masing-masing bertarikh 18 Ogos 1997 dan 29 Ogos 1997.

"Surat-surat ini kononnya menafikan kandungan surat pertama dari Ummi Hafilda bertarikh 5 Ogos 1997 serta pengakuan bersumpah Azizan," katanya.

(END)